

24/02/2003

KL mahu kikis imej `talk show`

Kadir Dikoh

HARI ini dan esok, ketua-ketua negara dan pemimpin mewakili Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), mula berbincang mengenai pelbagai isu membabitkan kepentingan dunia hari ini. Mereka akan meneliti dan mengupas

dokumen yang disediakan pegawai kanan dan menteri luar pada mesyuarat persediaan sejak Khamis lalu, sebelum diperakukan.

Antaranya ialah Dokumen Akhir iaitu dokumen yang paling tebal melebihi 300 bab merangkumi segala aspek, Deklarasi Kuala Lumpur, Pernyataan Mengenai Iraq dan Pernyataan Mengenai Palestin.

Semuanya akan mencerminkan hala tuju, program masa depan serta kajian aktiviti lalu, kegiatan bagi meningkatkan pembinaan keupayaan dan pendirian bersama NAM terhadap isu semasa antarabangsa serta dalam negara.

Ia menjurus ke arah menyuburkan semula pergerakan berusia 47 tahun yang mewakili kumpulan negara membangun terbesar di muka bumi ini. Namun, dunia masih didominasi negara kaya dan paling berkuasa.

Mesyuarat jawatankuasa 10 anggota semalam pula dengan mudah meluluskan draf mengenai Palestin tanpa banyak kerengah berbanding ketika perbincangan memuktamadkan draf mengenai Iraq.

Antara lain, pemimpin NAM dijangka akan terus mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menubuhkan satu pasukan pengaman bagi menyelesaikan konflik yang semakin berleluasa di antara Palestin dan Israel.

Pergerakan dianggotai 114 negara itu juga akan mendesak supaya tindakan diambil termasuk melalui Mahkamah Jenayah Antarabangsa, terhadap jenayah dilakukan oleh Israel ke atas rakyat Palestin di wilayah yang diduduki mereka.

Draf Deklarasi Kuala Lumpur juga sudah siap untuk dibentang dan diterima pada pada sidang pemimpin yang antara lain dijangka menegaskan komitmen NAM memperjuangkan keamanan, kemakmuran dan orde dunia yang adil dan saksama.

Menurut sumber, pemimpin NAM dijangka akan mengisytiharkan masanya sudah tiba bagi NAM untuk mengkaji secara komprehensif peranan, struktur dan cara kerja bagi memperkukuhkan pergerakan itu selaras dengan perkembangan realiti semasa.

Draf pernyataan mengenai Iraq juga sudah disiapkan kelmarin untuk dipersetujui pada perjumpaan ketua negara dan kerajaan NAM yang antara lain dijangka menggesa Iraq supaya terus mematuhi Resolusi 1441 Majlis Keselamatan PBB dan resolusi lain yang berkaitan.

Resolusi 1441 diterima pakai oleh Majlis Keselamatan pada 8 November tahun lalu, memberi jaminan kepada dunia melalui cara damai bahawa

senjata

pemusnah besar-besaran dihapuskan daripada Iraq.

Semua pernyataan dalam dokumen itu nanti akan turut digambarkan dalam Dokumen Akhir.

Namun, sejauh mana seruan itu didengar oleh PBB, Amerika Syarikat dan sekutunya masih menjadi persoalan.

Yang pasti selama ini, 'polis dunia' bagaikan pekak. Saban kali sidang kemuncak NAM diadakan selepas berakhir era perang dingin atau zaman kemunculan 'polis dunia', sudah banyak kenyataan dan deklarasi yang dikeluarkan oleh NAM. Sidang NAM disamakan dengan talk show dan dianggap sebagai retorika. Inilah imej yang cuba dikikiskan oleh Malaysia selaku tuan rumah Sidang Kemuncak NAM ke-13 kali ini.

Pengerusi NAM yang baru, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berazam menyatukan negara-negara Selatan itu, bukan saja bagi memperkuatkan kedudukan ekonomi malah bersatu dalam arena politik antarabangsa.

Kekuatan

NAM mampu menjadi satu kuasa untuk menegur tindakan penindasan Barat yang

kini banyak bertindak secara bersendirian bagi menyelesaikan masalah antara negara.

Ketika berucap pada Forum Perniagaan NAM mengenai kerjasama Selatan-Selatan semalam, Dr Mahathir mencadangkan penubuhan majlis perniagaan untuk pergerakan itu bagi memperkuatkan kedudukan ekonomi negara anggota.

Bagi sesetengah negara anggota NAM mereka mengharapkan sesuatu perubahan

dapat dilakukan untuk memperbetulkan kepincangan dunia hari ini. Lebih daripada itu, mereka mengharapkan kedudukan ekonomi yang lebih baik dapat

diwujudkan di negara mereka. Malangnya, isu yang lebih dekat di hati mereka - bantuan ekonomi dan kewangan selain isu sosial, ditenggelami isu

semasa seperti krisis Iraq, Korea Utara dan Palestin.

Mungkin perwakilan dari negara mundur berasa lebih tertekan apabila isu

politik antarabangsa lebih menjadi tumpuan, bukan saja di dalam bilik mesyuarat malah di luar dewan terutama di bilik Pusat Media Antarabangsa (IMC). Kebanyakan daripada kira-kira 2,000 wakil media lebih tertarik kepada isu serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Perwakilan dari Iraq, Palestin dan Korea Utara sama ada pada peringkat pegawai kanan atau menteri menjadi buruan wartawan terutama wakil dari Pyongyang. Presiden bagi Presidium Perhimpunan Tertinggi Rakyat Korea Utara, Kim Yong Nam yang tiba kelmarin pasti menjadi sasaran wartawan. Malah permintaan di kalangan wartawan untuk menemu ramah pemimpin Korea Utara itu atau Menteri Luarnya, Poek Nam Sun adalah paling tinggi.

"Akibat isu Iraq dan beberapa isu semasa yang lain, ia menenggelam soal

pokok. Banyak negara Afrika dan Carribean masih mundur seperti Somalia. Memang kami bimbang terhadap tercetusnya perang kerana ia boleh mengorbankan banyak nyawa dan menjejaskan ekonomi dunia tetapi pada masa sama kami masih perlukan pembangunan dan kewangan," kata perwakilan dari Ethiopia, Addis Alem Belema.

Rakan negara jirannya yang enggan nama disiarkan berkata: "Hampir semua

negara selatan berada dalam NAM dan kami di Afrika memerlukan bantuan pembangunan daripada isu ekonomi kepada sosial... ribuan menghadapi masalah HIV dan Aids."

Kenyataan itu lebih ke arah sindiran kepada wartawan yang lebih berminat bertanya isu semasa kerana perwakilan terutama pegawai kanan mengetahui apa sebenarnya dibincangkan secara serius oleh beberapa jawatankuasa di sidang NAM. Antaranya ialah jawatankuasa ekonomi dan sosial yang mengambil kira masalah dihadapi negara membangun. Namun, hasil perbincangan jawatankuasa politik lebih menarik perhatian pihak media kerana membabitkan isu semasa.

Beberapa kemajuan sebenarnya sudah dicapai pada mesyuarat peringkat pegawai dan menteri yang dimasukkan dalam Dokumen Akhir bagi perakuan pemimpin.

Antaranya ialah mewujudkan kerjasama teknikal antara negara NAM supaya sesebuah negara yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu boleh mengusahakan pemindahan teknologi kepada negara anggota lain; menugaskan empat jawatankuasa interaktif untuk mengada-kan strategi dan membincangkan hala tuju NAM; cadangan menubuhkan kesatuan antara Parlimen negara-negara NAM dan perlunya mengadakan mesyuarat antara sidang kemuncak untuk membincangkan isu-isu semasa.

Malah, keputusan mesyuarat peringkat menteri Sabtu lalu mencadangkan supaya mesyuarat peringkat menteri yang lain seperti mengenai perdagangan, pertanian dan pembangunan luar bandar turut diadakan, tidak semata-mata tertumpu kepada mesyuarat menteri luar.

Dalam sidang akhbar untuk wartawan tempatan selepas mesyuarat peringkat menteri itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, selaku pengerusi, berkata cadangan memperluaskan mesyuarat peringkat menteri yang lain itu kerana NAM sendiri terbabit dengan serius dalam pembangunan sosio ekonomi dalam usaha membasmi kemiskinan, buta huruf dan penyakit seperti HIV/Aids.

Perkara ini sebenarnya masih relevan kerana masih banyak rakyat di kalangan 114 negara anggota buta huruf dan jutaan pula menghadapi penyakit seperti HIV/Aids di Afrika. Tetapi isu ini tidak "glamour" dan dengan itu ia bagaikan tidak diberi perhatian sedangkan pelbagai masalah sosio ekonomi masih membelenggu penduduk negara Selatan.

Semua perkara ini nanti dimasukkan ke dalam Dokumen Akhir yang akan dikeluarkan pada akhir sidang Selasa ini.

Kebanyakan perwakilan dari negara Selatan juga tidak mempunyai masalah untuk menyokong dokumen terutama konflik Iraq. Tetapi, perbincangan mengenai isu ini yang sepatutnya boleh diselesaikan pada hari pertama mesyuarat SOM, mengambil masa agak panjang sebelum berjaya diselesaikan Sabtu

lalu - gara-gara bantahan Singapura dan Chile, dua negara yang bersekongkol dengan Amerika Syarikat.

Sebagai tuan rumah kata satu sumber, Malaysia tetap melayan kerena dua negara ini yang membantah penggunaan istilah agak keras dalam draf awal kerana NAM percaya kepada amalan demokrasi dan kebebasan bersuara, bagi memuakan hati semua anggota dengan penggunaan istilah yang lebih sesuai serta diterima.

Kita tertanya-tanya mengapakah harus muncul "tangan ghaib" pada setiap kali sidang antarabangsa yang tidak membabitkan penyertaan rasmi negara kaya dan berkuasa. Malah penyertaan mereka sama ada dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) atau Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM), bagaikan mahu orang lain mengikut rentak atau kehendak mereka.

Menteri Luar Afrika Selatan Nkosazana Clarince Dlamini pada mesyuarat itu berkata PBB patut menjadi kuasa tunggal menyelesaikan krisis

Iraq tetapi Baghdad perlu memainkan peranan dengan mematuhi sepenuhnya Resolusi 1441 dengan membenarkan pasukan pemeriksa senjata PBB menjalankan tugas tanpa sekatan.

Menteri Luar Iraq, Dr Naji Sabri berkata minyak adalah antara pilihan yang berada di tangan negara membangun bagi menyerang balas pencabulan kedaulatan mereka oleh kuasa luar.

Katanya, jika Amerika boleh menggunakan makanan dan perubatan untuk menghukum negara yang menentang Washington, maka negara yang menjadi mangsa boleh menggunakan kaedah sama untuk menentang dasar yang mencengkam hak kebebasan dan maruah mereka.

Menteri Luar Timor Leste Jose Ramos Horta pula membidas Setiausaha Agung PBB Kofi Annan kerana tidak berusaha berhabis-habisan untuk mengelakkan peperangan di Iraq.

ketika merasmikan mesyuarat peringkat menteri itu Sabtu lalu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan NAM bertanggungjawab mengubah orde dunia bagi memastikan kesinambungan keutamaan proses multilateral dalam hal ehwal negara-negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata proses unilateral adalah tidak baik kepada kepentingan NAM.